

BAB EMPAT

ANALISIS PENGGUNAAN KHUTBAH JUMAAT MULTIMEDIA DI MASJID SABA, BANGSAR

4.1 Pengenalan

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode soal selidik dan metode temu bual. Data-data yang dikumpul dan kemudiannya dianalisis adalah data-data yang diperolehi melalui soal selidik yang telah diedarkan di Masjid SABA iaitu masjid yang dipilih sebagai sampel kajian kepada 215 orang responden. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang dan peringkat umur. Lingkungan umur responden bermula dari umur 12 tahun sehingga umur 82 tahun.

Pengukuran dan penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kepada data-data yang dikumpul dan kemudiannya diproses dengan menggunakan program perisian komputer *Statistical Package for Social Science (SPSS)*.

Oleh itu, melalui penemuan-penemuan yang diperolehi pengkaji akan menghuraikan jadual statistik dan hasil analisis yang dibuat melalui kajian ini.

4.2 Demografi Responden

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis dan menjelaskan mengenai latar belakang responden dan hubungannya dengan pembolehubah-pembolehubah yang diukur, dinilai dan seterusnya dilaporkan semasa kajian ini dijalankan. Ia merangkumi beberapa aspek tertentu iaitu umur, jantina, taraf pendidikan, warganegara dan juga status ahli qariah.

4.2.1 Umur

Secara keseluruhannya, responden kajian terdiri daripada 100% (215 orang) lelaki. Dari segi umur, responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada peringkat awal dan akhir remaja, awal, pertengahan dan akhir dewasa serta tua. Pembahagian tahap umur manusia ini selari dengan teori dan pendapat Robert J. Havighurst iaitu seorang ahli psikologi yang mengklasifikasikan tahap-tahap perkembangan umur manusia.¹⁹⁹ Pada peringkat umur awal dan akhir remaja bermula daripada umur 12 tahun hingga 22 tahun. Manakala pada tahap kedua bermula daripada umur 23 tahun hingga 60 tahun yang dinamakan sebagai peringkat awal, pertengahan dan akhir dewasa. Seterusnya pada peringkat umur 60 tahun hingga ke penghabisan umur adalah peringkat tua.

Seterusnya, sebelum pengkaji mengupas huraian ini dengan lebih lanjut lagi, pengkaji terlebih dahulu ingin mendefinisikan pengertian remaja, dewasa dan warga tua. Remaja ialah satu tahap permulaan untuk dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin. Dari perspektif Islam, remaja diistilahkan sebagai baligh. Baligh bererti sudah cukup umur sepertimana menurut *Lisan al-'Arab* yang menyebut sebagai *baligh al-ghulam* iaitu budak yang sudah cukup umur apabila ia bermimpi sehingga keluar air mani bagi kanak-kanak lelaki.²⁰⁰ Selain itu, *Dictionary of Developmental Psychology* pula mentakrifkan remaja adalah sebagai masa peralihan antara zaman kanak-kanak dengan awal dewasa.²⁰¹

¹⁹⁹ Robert J. Havighurst (1971), *Developmental Tasks and Education*, Edisi ke-3, New York: Longman, h. 34-35.

²⁰⁰ Jamal-al-Din Muhammad bin Mukram ibn Manzur (1996), *Lisan al-'Arab*, Juz 1, Beirut: Dar al-Ihya' al-'Arabi, h.468.

²⁰¹ Ian Stuart-Hamilton (1996), *Dictionary of Developmental Psychology*, London: Jessica Kingsley Publishers, h.3

Manakala istilah dewasa menurut kamus dewan bermaksud seseorang yang sudah baligh, mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan, sempurna fikiran dan matang. Selain itu, *Oxford Dictionary* menjelaskan *aging* adalah satu proses ke arah pertambahan umur atau penuaan.²⁰⁵

Dalam Kamus Arab iaitu Kamus al-Mukhtar perkataan orang tua boleh merujuk kepada perkataan (*syekh, kabir*) yang membawa maksud orang yang dihormati dan orang tua.²⁰⁶ Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut 3 peringkat umur.

Jadual 1

Taburan Responden Mengikut Umur

Tahap Umur	Bilangan Responden	Peratus
12-22 tahun	64	29.8
23-60 tahun	115	53.5
61-82 tahun	36	16.7
Jumlah	215	100.0

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa secara majoritinya responden adalah di kalangan dewasa yang berumur di antara 23 tahun hingga 60 tahun iaitu sebanyak 53.5% (115 orang). Kemudian diikuti oleh peringkat remaja yang berumur di antara 12 tahun hingga 22 tahun adalah sebanyak 29.8% (64 orang), manakala responden yang berumur antara 61 tahun hingga 82 tahun adalah di kalangan warga emas iaitu sebanyak 16.7% (36 orang).

²⁰⁵ Dorling Kindersley (1998), *Oxford Dictionary*, Oxford: Oxford University Press, h.28

²⁰⁶ Yazid el- Bustamy (2003), *Kamus al-Mukhtar*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, h.379.

Hasil dapatan kajian ini telah disokong melalui hasil temubual. Menurut Hazman bin Hashim²⁰⁷, kecenderungan para jemaah yang menghadiri solat Jumaat adalah dalam lingkungan umur 20-an hingga 60-an. Ini adalah kerana, pada peringkat umur dewasa kebanyakan daripada mereka telah menyedari akan hakikat kefardhuan dan kepentingan solat Jumaat selain dari tuntutan solat fardhu lima waktu yang wajib ditunaikan secara berjemaah.

Di samping itu, faktor lokasi juga memainkan peranan penting kerana kedudukan Masjid SABA adalah berhampiran dengan pusat pasaraya (*Bangsar Village*) dan juga pejabat-pejabat pekerjaan serta menjadikan masjid ini sebagai tempat dalam melaksanakan ibadat.²⁰⁸

4.2.2 Kelulusan Tertinggi Akademik

Dari aspek pendidikan, hasil kajian menunjukkan tahap pendidikan para jemaah terdiri daripada peringkat sekolah menengah, diploma, ijazah, sarjana dan PhD.

²⁰⁷ Ustaz Hazman bin Hashim, Ketua Imam Masjid SABA, Bangsar. Temubual pada 14 April 2011.

²⁰⁸ Ustaz Hazman bin Hashim, Ketua Imam Masjid SABA, Bangsar. Temubual pada 14 April 2011.

Taburan bagi semua peringkat pendidikan responden adalah seperti jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Taburan Responden Mengikut Kelulusan Tertinggi Akademik

Kelulusan Akademik	Bilangan Responden	Peratus
PMR/SRP	29	13.7
IV Thanawi	2	10.0
SPM	63	29.9
Diploma	41	19.4
Ijazah	57	27.0
Sarjana	17	8.1
PhD	2	0.9
Jumlah	211	100.0
Jumlah	215	100.0

Data Jadual 2, menunjukkan bahawa kebanyakan para jemaah di Masjid SABA yang mendirikan solat Jumaat terdiri daripada golongan yang berpendidikan sekolah menengah iaitu PMR/SRP, Sijil IV Thanawi dan SPM yang menduduki tempat dan peratusan paling tinggi. Ini berdasarkan kepada analisis yang dijalankan ke atas catatan yang telah dibuat oleh responden sebanyak 53.6% (94 orang). Peratusan kedua golongan jemaah yang paling tinggi terdiri dari peringkat pendidikan ijazah iaitu sebanyak 27.0% (57 orang).

Seterusnya diikuti oleh golongan yang berpendidikan di peringkat diploma sebanyak 19.4% (41 orang) dan mereka yang berpendidikan di peringkat sarjana iaitu sebanyak 8.1% (17 orang). Peringkat PhD pula mencatatkan peratusan yang paling rendah iaitu 0.9% (2 orang) sahaja.

Di samping itu, sebanyak 4 responden tidak mencatatkan taraf pendidikan mereka, disebabkan mereka bukan warganegara (warganegara Indonesia). Ini adalah disebabkan sistem pendidikan yang berlainan di antara dua buah negara.

4.2.3 Taraf Pekerjaan

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat lima kategori taraf pekerjaan para jemaah yang merangkumi para pelajar, kakitangan kerajaan, swasta, persendirian dan pesara. Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut bidang pekerjaan masing-masing.

Jadual 3

Taburan Responden Mengikut Taraf Pekerjaan

Taraf Pekerjaan	Bilangan Responden	Peratus
Pelajar	56	26.2
Badan Kerajaan	27	12.6
NGO (Badan Swasta)	89	41.6
Persendirian	30	14.0
Pesara	13	6.1
Jumlah	215	100.0

Berdasarkan jadual di atas, didapati taraf pekerjaan para jemaah adalah di kalangan pekerja dari badan swasta yang mencatatkan peratusan sebanyak 41.6% (89 orang). Golongan ini mencatatkan peratus yang paling tinggi.

Manakala sebanyak 26.2% (56 orang) terdiri daripada kalangan pelajar. Melalui pengamatan pengkaji kehadiran ramai pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti berhubungkait dengan kedudukan Masjid SABA yang berdekatan dengan sekolah dan universiti.

Seterusnya responden yang bekerja persendirian dan badan kerajaan adalah sebanyak 26.6% (57 orang) dan diikuti oleh golongan pesara minoritinya adalah sebanyak 6.1% atau 13 responden sahaja.

4.2.4 Warganegara

Jadual 4

Taburan Responden Mengikut Warganegara

Warganegara	Bilangan Responden	Peratus
Malaysia	211	98.1
Asing	4	1.9
Jumlah	215	100.0

Jadual 4 menunjukkan peratusan dan bilangan warganegara bagi jemaah Masjid SABA. Hasil kajian mendapati hampir keseluruhan responden adalah terdiri daripada warganegara Malaysia iaitu 98.1% (211 orang) yang mendahului warganegara asing yang terdiri daripada warganegara Indonesia sebanyak 1.9% (4 orang) sahaja.

4.2.5 Status Ahli Qariah

Jadual 5

Taburan Responden Mengikut Ahli Qariah Masjid SABA

Ahli Qariah	Bilangan Responden	Peratus
Tetap	48	22.3
Tidak tetap	167	77.7
Jumlah	215	100.0

Jadual di atas menunjukkan status jemaah ahli qariah responden. Hasil dari soal selidik mendapati majoritinya ahli qariah di Masjid SABA yang menghadiri solat Jumaat adalah terdiri daripada kalangan ahli qariah tidak tetap iaitu sebanyak 77.7% (167 orang). Seterusnya diikuti pula oleh ahli qariah tetap yang mencatat peratus sebanyak 22.3% iaitu 48 orang sahaja. Faktor ini barangkali disebabkan oleh kedudukan lokasi kajian yang strategik dan terletak berhampiran dengan kawasan tumpuan orang ramai. Justeru, ia memudahkan bagi para jemaah yang bukan ahli qariah terutamanya untuk menghadiri solat Jumaat dan solat fardhu.

4.3 Tahap Kepuasan Jemaah Terhadap Penggunaan Elemen Multimedia Dari Aspek Teknikal

Ujian Klasifikasi Silang (*Crosstab*) digunakan untuk menganalisis tahap kepuasan jemaah atau bagaimanakah tahap penerimaan para jemaah yang digandingkan antara umur dengan

Oleh itu, untuk huraian yang lebih lanjut lagi bagi gambaran-gambaran taburan data kajian dapat diperhatikan pada jadual di bawah:

Jadual 6 (a)

Taburan Tahap Kepuasan Jemaah Terhadap Saiz dan Jenis Tulisan

Umur	Sangat Tidak Memuaskan	Tidak memuaskan	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Sangat Memuaskan	Jumlah
11-22 Tahun	(3) 4.7%	(4) 6.3%	(10) 15.6%	(35) 54.7%	(12) 18.8%	(64) 100.0%
23-60 Tahun	(1) 0.9%	(8) 7.0%	(29) 25.2 %	(55) 47.8%	(22) 19.1%	(115) 100.0%
61-82 Tahun	(1) 2.8%	(5) 13.9%	(17) 47.2%	(9) 25.0%	(4) 11.1%	(36) 100.0%
Jumlah	(5) 2.3%	(17) 7.9%	(56) 26.0%	(99) 46.0%	(38) 17.7%	(215) 100.0%

Berdasarkan jadual di atas data menunjukkan secara majoritinya peratusan tertinggi yang diperolehi daripada para jemaah terhadap kepuasan saiz dan jenis tulisan adalah pada peringkat remaja yang mencatatkan sebanyak 73.5% (47 orang). Berbanding pula dengan tahap kepuasan di peringkat dewasa dan tua peratusan yang dicatatkan adalah sebanyak 66.9% dan 36.1%.

Pengkaji mendapati bahawa antara faktor-faktor kepuasan responden terhadap saiz dan jenis tulisan pada persembahan slaid multimedia adalah disebabkan oleh faktor penglihatan dan kedudukan jarak para jemaah.

Menurut En. Zainal Arifin dari *Zee Optic Eyewear*, daya penglihatan orang muda pada peringkat umur remaja sehingga awal 40-an adalah lebih jelas, terang, fokus dan tepat berbanding dengan daya penglihatan orang tua. Ini adalah kerana saraf mata orang muda adalah lebih tegang berbanding saraf mata orang tua yang mana lama kelamaan ia akan mula mengendur. Penglihatan orang tua secara majoritinya pada peringkat usia mencecah 40 tahun ke atas, daya penglihatan mereka terhadap sesuatu bacaan pada huruf atau objek adalah sedikit kabur, kurang jelas dan kurang tepat. Selain itu, jarak kedudukan responden juga memainkan peranan penting dalam meneliti dan memahami isi kandungan teks khutbah yang dipaparkan. Oleh itu, secara umumnya penglihatan manusia yang normal dan terfokus hanya berada di dalam lingkungan jarak 30 hingga 40 cm sahaja.²¹³ Jarak ini dianggap oleh pakar sebagai jarak yang optimum. Sekiranya mereka berada di luar jarak tersebut maka penglihatan mereka akan kurang jelas dan kurang tepat terhadap tayangan slaid khutbah multimedia. Jelaslah di sini menunjukkan bahawa faktor penglihatan dan kedudukan responden mempengaruhi tahap kepuasan mereka terhadap saiz tulisan pada persembahan slaid multimedia.

Hasil dapatan kajian ini, dikukuhkan lagi dengan data-data yang diperolehi oleh pengkaji ketika sesi temubual bersama beberapa orang responden²¹⁴. Mereka mengakui bahawa gaya persembahan multimedia yang dipaparkan pada setiap slaid yang merangkumi saiz dan jenis tulisan yang jelas dapat mempengaruhi pemahaman para jemaah dalam memahami dan meneliti isi kandungan teks khutbah yang disampaikan.

²¹³ En. Zainal Abidin b. Dan , Pengurus Zee Optic Eyewear. Temubual pada 5 Oktober 2011.

²¹⁴ En. Zaidi Zakaria, En. Ahmad Muiz Abdul Rahman, Tuan Hj. Khalid b. Othman, Responden Masjid SABA. Temubual pada 5 November 2010.

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan terdapat juga sebilangan responden menyatakan ketidakpuasan mereka terhadap warna tulisan pada slaid khutbah. Antara faktornya adalah disebabkan sebahagian warna tulisan yang digunakan pada isi penting slaid adalah berwarna putih. Hal ini terbukti melalui penelitian yang dibuat oleh pengkaji terhadap warna tulisan slaid khutbah Jumaat multimedia melalui laman sesawang JAWI dari awal tahun 2009 hingga awal Oktober 2011²¹⁵ menunjukkan bahawa majoritinya tulisan pada slaid khutbah adalah berwarna putih. Antara contoh yang dapat diambil adalah warna tulisan pada nama JAWI pada permulaan slaid, tarikh, ayat-ayat al-Quran, hadis, sub tajuk pada setiap slaid, doa, selawat dan pesanan takwa (Lihat lampiran F).

Berdasarkan takrifan, warna putih adalah sejenis warna yang mempunyai kecerahan yang tinggi dan sifat pigmennya adalah memantulkan semua warna.²¹⁶ Oleh itu, jika dilihat pada sifat pigmennya tulisan berwarna putih tidak sesuai untuk digandingkan dengan gambarajah dan gambar latar belakang slaid yang berwarna terang. Sebagai contoh, seandainya warna pada gambarajah berwarna biru terang, ia tidak berpadanan jika digandingkan dengan warna tulisan putih. Ini akan menyebabkan penglihatan para jemaah kurang jelas disebabkan kecerahan yang tinggi sekaligus membuatkan para jemaah kurang memberi fokus terhadap tayangan slaid khutbah multimedia.

²¹⁵ Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, www.jawi.gov.my, 12 September 2011.

²¹⁶ <http://ms.wikipedia.org/wiki/Putih>, 17 Oktober 2011.

Di samping itu juga, melalui penemuan pertama teori saintifik penglihatan warna (Sir Thomas Young), beliau menyatakan bahawa mata manusia mempunyai reseptor khusus untuk mengenali perubahan sinar dan warna.²¹⁷

Warna juga memainkan peranan penting dalam penglihatan manusia dan ia bukanlah suatu gejala yang hanya dapat diamati sahaja, akan tetapi melalui warna juga ia dapat menarik perhatian seseorang apabila melihat akan sesuatu objek.

Jadual 6 (b)

Taburan Tahap Kepuasan Jemaah Terhadap Kedudukan dan Penyusunan Gambarajah

Umur	Sangat Tidak memuaskan	Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Sangat Memuaskan	Jumlah
11-22 Tahun	(2) 3.1%	(9) 14.1%	(29) 45.3%	(16) 25.0%	(8) 12.5%	(64) 100.0%
23-60 Tahun	(2) 1.7%	(8) 7.0%	(25) 21.7%	(60) 52.2%	(20) 17.4%	(115) 100.0%
61-82 Tahun	(2) 5.6%	(4) 11.1%	(5) 13.9%	(16) 44.4%	(9) 25.0%	(36) 100.0%
Jumlah	(6) 2.8%	(21) 9.8%	(59) 27.4%	(92) 42.8%	(37) 17.2%	(215) 100.0%

Berdasarkan jadual di atas, data menunjukkan golongan dewasa dan tua mencatatkan peratusan pada tahap memuaskan sebanyak 69.6% (80 orang) dan 69.4% (25 orang). Ini menunjukkan bahawa kedudukan dan penyusunan gambarajah pada setiap slaid multimedia

²¹⁷ Sir Thomas Young merupakan seorang ahli saintifik penglihatan warna pada tahun 1800. Beliau mengemukakan hipotesis bahawa mata manusia hanya memiliki 3 buah reseptor penerima cahaya iaitu reseptor yang peka terhadap cahaya biru, merah dan hijau. (Lihat Richard J. Gerrig, Philip G. Zimbardo (2005), *Psychology and Life*, Edisi ke-17, United State of America, h. 112).

adalah bersesuaian dan mampu merangsang penglihatan mereka ketika paparan slaid khutbah dipersembahkan. Ini adalah kerana gambar grafik latar belakang slaid khutbah di gabungkan dengan corak berwarna-warni yang diletakkan bersesuaian dengan tajuk dan isi khutbah yang disampaikan.

Hasil dapatan yang diperolehi telah dimantapkan lagi oleh hasil dapatan yang diperolehi melalui hasil temubual bersama beberapa orang jemaah²¹⁸. Mereka menyatakan bahawa kedudukan grafik dan susunan gambarajah adalah bersesuaian pada setiap slaid dan mampu menarik minat serta merangsang penglihatan mereka agar lebih memberi fokus²¹⁹ kepada penyampaian isi khutbah. Selain itu, para jemaah mengakui bahawa paparan gambar itu secara tidak langsung mengukuh dan menjelaskan isi kandungan khutbah serta mempengaruhi makmum. Sememangnya, melalui persembahan slaid khutbah Jumaat multimedia sedikit sebanyak dapat membantu para jemaah dalam memahami intipati khutbah yang disampaikan dengan lebih jelas lagi.

Manakala golongan remaja yang berada pada tahap memuaskan hanya mencatatkan peratusan sebanyak 37.5% (24 orang) sahaja. Ini menunjukkan bahawa terdapat ketidakpuasan pada golongan remaja terhadap kedudukan dan penyusunan gambarajah pada sebilangan slaid. Selain itu, melalui hasil data yang dikumpulkan, terdapat juga di antara para jemaah yang menyatakan ketidakpuasan mereka terhadap tulisan pada sesetengah gambarajah slaid khutbah yang mengandungi tulisan penuh dan padat. Hal ini

²¹⁸ Hj. Ishak b. Yaacob, En. Abdullah b. Said, En. Shahrul Nizam b. Kadir, En. Mohd Ali b. Ibrahim, jemaah Masjid SABA, Temubual pada 5 November 2010.

²¹⁹ Istilah fokus ialah penumpuan fikiran dan mental kepada sesuatu maklumat. Selain itu, ia juga ditakrifkan sebagai kemampuan responden kepada sesuatu rangsangan pada sesuatu masa. (Lihat Abd Aziz Mohd Zin (1999), *Psikologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 59.

akan membuatkan para jemaah tidak sempat membaca dan sukar untuk memberi fokus terhadap keseluruhan isi penting khutbah yang ditayangkan.

Jadual 6 (c)

Taburan Tahap Kepuasan Jemaah Terhadap Saiz Skrin

Umur	Sangat Tidak memuaskan	Tidak memuaskan	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Sangat Memuaskan	Jumlah
11-22 Tahun	(3) 4.7%	(6) 9.4%	(15) 23.4%	(29) 45.3%	(11) 17.2%	(64) 100.0%
23-60 Tahun	(3) 2.6%	(7) 6.1%	(14) 12.2%	(75) 65.2%	(16) 13.9%	(115) 100.0%
61- 82 Tahun	(1) 2.8%	(2) 5.6%	(4) 11.1%	(24) 66.7%	(5) 13.9%	(36) 100.0%
Jumlah	(7) 3.3%	(15) 7.0%	(33) 15.3%	(128) 59.5%	(32) 14.9%	(215) 100.0%

Berdasarkan nilai statistik pada jadual di atas, secara majoritinya tahap kepuasan responden terhadap saiz skrin adalah di kalangan dewasa iaitu dengan peratus sebanyak 79.1% (91 orang). Manakala golongan remaja dan tua mencatatkan nilai sebanyak 62.5% dan 80.6%. Ini menunjukkan bahawa tahap kepuasan jemaah terhadap saiz skrin di Masjid SABA berada pada tahap yang memuaskan.

Hal ini adalah berdasarkan kepada pembinaan Masjid SABA yang mempunyai 3 tingkat ruangan solat. Kapasiti jemaah di masjid tersebut boleh menampung kira-kira 2,500 orang.²²⁰ Di samping itu, untuk paparan khutbah Jumaat multimedia masjid tersebut mempunyai 2 skrin layar putih besar yang terletak di bahagian kiri dan kanan dewan solat

²²⁰ Ust Hazman B. Hashim, Ketua Imam Masjid SABA. Temubual pada 2 Disember 2010.

utama, 1 layar putih bersaiz sedang di tingkat 1 serta terdapat 9 buah TV Plasma²²¹ yang berukuran 40 inci di setiap tingkat masjid. Melalui proses tayangan slaid multimedia terdapat pegawai lantikan JAWI yang akan ditugaskan untuk mengawal paparan slaid, sementara khatib menyampaikan khutbah berdasarkan fakta yang disediakan. Oleh itu, melalui penyediaan dan saiz ukuran alat paparan slaid khutbah Jumaat multimedia yang baik dan mencukupi, ia sedikit sebanyak mempengaruhi tahap kepuasan jemaah agar lebih memahami mesej khutbah yang disampaikan.

Hal ini dibuktikan lagi oleh beberapa orang jemaah yang menyatakan bahawa tayangan khutbah Jumaat multimedia tampak jelas dan berkesan yang mana di dalamnya terdapat ruang yang besar dan luas. Pemasangan layar putih di ruangan lain yang agak berjauhan daripada mimbar membolehkan para jemaah memberi tumpuan kepada khutbah yang ingin disampaikan.

²²¹ Kelebihan pemilihan TV Plasma adalah pada kualiti gambar yang memberikan perbezaan kontras warna hitam dan putih dengan lebih baik. Ketetapan warna Plasma mengeluarkan warna yang lebih semulajadi dan terang dalam keadaan cahaya ruangan bilik yang malap dan normal. TV Plasma juga mempunyai sudut penglihatan sebanyak 160 darjah. Ini bermaksud, ia boleh dilihat pada jarak yang jauh dari sisi tv. Selain itu, untuk paparan imej bergambar ia mempunyai prestasi yang baik dalam mengendalikan imej berkelajuan tinggi dan tahap kontras yang tinggi. Saiz paparan TV Plasma yang ditawarkan mempunyai pilihan yang lebih besar dan sesuai digunakan untuk ruangan yang lebar dan luas. (Lihat <http://www.slideshare.net/zainipr/lcd-1917663>, 18 Oktober 2011).

Jadual 6 (d)

**Taburan Tahap Kepuasan Jemaah Terhadap Penggunaan Khutbah Jumaat
Multimedia**

Umur	Sangat Tidak Memuaskan	Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Sangat Memuaskan	Jumlah
11-22 Tahun	(1) 1.6%	(1) 1.6%	(9) 14.1%	(32) 50.0%	(21) 32.8%	(64) 100.0%
23-60 Tahun	(1) 0.9%	(5) 4.3%	(13) 11.3%	(74) 64.3%	(22) 19.1%	(115) 100.0%
61-82 Tahun	(1) 2.8%	(2) 5.6%	(10) 27.8%	(18) 50.0%	(5) 13.9%	(36) 100.0%
Jumlah	(3) 1.4%	(8) 3.7%	(32) 14.9%	(124) 57.7%	(48) 22.3%	(215) 100.0%

Berdasarkan kajian yang dijalankan, data menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap kepuasan para jemaah terhadap penggunaan khutbah Jumaat multimedia berada pada tahap memuaskan. Golongan remaja dan dewasa mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 82.8% (53 orang), 83.4% (96 orang). Berbanding dengan golongan tua yang mencatatkan peratusan rendah iaitu sebanyak 63.9% (23 orang). Ini menunjukkan bahawa, di kalangan remaja dan dewasa lebih berpuas hati dan dapat menerima penggunaan khutbah Jumaat multimedia. Ini adalah berdasarkan kepada kesesuaian tahap usia dan corak pemikiran mereka yang lebih gemar dan inginkan sesuatu perkara yang baharu sejajar dengan perkembangan arus teknologi (ICT) masa kini.²²²

²²² Kamarulzaman Kamaruddin (2009), *Psikologi Perkembangan*, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, h.150.

Selain itu, antara objektif utama penggunaan multimedia dalam penyampaian khutbah adalah untuk menjadikan khutbah yang disampaikan itu lebih menarik, tidak menjemukan serta berkesan di samping membuktikan bahawa agama Islam tidak menolak kemajuan selagi mana ia tidak bercanggah dengan kehendak Islam. Dengan penggunaan multimedia dalam penyampaian khutbah Jumaat ini, diharapkan agar isi kandungan khutbah akan lebih mudah digarap serta difahami oleh para jemaah di samping penyampaiannya yang lebih menarik lagi berkesan.

Hal ini dibuktikan melalui satu penulisan artikel yang ditulis oleh Ezzuddin Ab. Razad yang bertajuk “Khutbah multimedia lebih berkesan, mudah difahami jemaah” yang dipetik dari sumber akhbar Berita Harian²²³, beliau menyatakan bahawa pendekatan khutbah multimedia yang diperkenalkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) merupakan satu kaedah yang efektif dan berkesan untuk menjadikan sesuatu khutbah itu mudah difahami oleh para jemaah. Berdasarkan pemerhatian ringkas beliau, beliau mendapati bahawa para jemaah begitu khusyuk melihat dan mendengar khutbah yang disampaikan serta dapat membantu para jemaah dapat merehatkan minda ketika proses pencernaan maklumat.

Selain itu, antara faktor kepuasan lain ialah melalui pengisian program *power point* yang disajikan dengan gabungan grafik dan tulisan yang berwarna-warni serta isi-isi penting yang dijadikan dalam bentuk gambarajah mudah pada setiap slaid mampu menarik perhatian para jemaah untuk lebih fokus terhadap intisari khutbah yang disampaikan. Susun atur dan penekanan terhadap isi penting yang ditayangkan di layar putih menjadikan jemaah tahu apa kandungan atau objektif yang ingin disampaikan oleh khatib.

²²³http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Monday/Agama/Article/index_html, 9 Oktober 2009.

Melalui multimedia ini, ia dapat memberi kelebihan kepada para jemaah yang hadir lewat ketika penyampaian khutbah Jumaat berlangsung dengan mengetahui tajuk atau topik yang telah disampaikan. Ini bermakna, para jemaah tidak akan ketinggalan untuk memahami dan memperolehi mesej khutbah yang disampaikan. Justeru, pengkaji melihat bahawa melalui penggunaan elemen multimedia ini tidak menampakkan kesan buruk atau mengganggu cara penyampaian khutbah Jumaat malah memberi kelebihan kepada khutbah tersebut supaya disampaikan dengan kaedah lebih berkesan.

Melalui hasil temubual pengkaji bersama salah seorang jemaah Ahmad Fuad Mansor²²⁴ dan Ezuddin Abd Razad di dalam akhbar Berita Harian '*online*'²²⁵, mereka melihat bahawa pendekatan ini adalah lebih mesra dan dapat memberi manfaat terutamanya kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU)²²⁶. Bagi mereka yang tidak berupaya untuk mendengar, mereka boleh menggunakan deria penglihatan untuk melihat persembahan slaid multimedia yang dipaparkan. Hasil dapatan kajian ini juga turut disokong oleh wakil daripada pihak JAWI En. Mohd Hilmee bin Umar,²²⁷ beliau berpendapat bahawa kelebihan penyampaian khutbah Jumaat multimedia merupakan satu kemudahan teknologi yang digunakan sepenuhnya untuk tujuan kebaikan para jemaah. Tujuan penggunaan multimedia adalah untuk membantu dan memudahkan golongan OKU yang cacat deria pendengaran agar dapat melihat dan membaca intipati khutbah yang tertera di layar putih.

²²⁴ Ahmad Fuad Mansor, salah seorang jemaah yang ditemubual di Masjid SABA, Bangsar.

²¹⁰ http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Monday/Agama/20091004225649/Article, 9 Oktober 2009.

²²⁶ Takrifan Orang Kelainan Upaya (OKU) adalah suatu keadaan yang dianggap mengurangkan fungsi atau keupayaan seseorang jika dibandingkan dengan ukuran biasa masyarakat. Istilah ini biasanya digunakan untuk merujuk kepada fungsi individu seperti kelemahan fizikal, deria, kognitif, intelektual atau kesihatan mental.

²²⁷ Ustaz Mohd Hilmee bin Umar, Penolong Pengarah Cawangan Khutbah dan Latihan, Bahagian Pengurusan Kariah JAWI. Temubual pada 27 April 2010.

Walaupun demikian, di samping kelebihan yang diperoleh terselit juga kekurangan pada tahap penggunaan khutbah Jumaat multimedia. Ini berdasarkan kepada hasil kajian yang menunjukkan bahawa terdapat sebahagian daripada golongan orang tua tidak berpuas hati dengan pengaplikasian tersebut. Ini adalah disebabkan faktor usia mereka yang lebih cenderung dan selesa kepada penyampaian khutbah tanpa bantuan alat multimedia. Menurut beberapa orang jemaah yang ditemubual, mereka menyatakan bahawa melalui pengaplikasian multimedia ini membuatkan mereka agak keliru untuk mendengar dan melihat dalam satu masa yang sama serta mengganggu fokus terhadap penyampaian khutbah Jumaat.

Selain itu, faktor penglihatan juga mempengaruhi sebahagian daripada golongan tua untuk melihat slaid multimedia yang ditayangkan. Apabila usia semakin meningkat penglihatan menjadi agak kabur dan kurang jelas terhadap sesuatu objek yang ditayangkan.²²⁸ Menurut Kamarulzaman²²⁹ melalui aspek kognitif yang berkaitan dengan peningkatan umur ke tahap lanjut usia akan menyebabkan kelemahan keupayaan mengasimilasikan informasi baharu dan sukar untuk menerima sesuatu yang baru.

²²⁸ En. Zainal Abidin b. Dan , Pengurus Zee Optic Eyewear. Temubual pada 5 Oktober 2011.

²²⁹ Kamarulzaman Kamaruddin (2009), *Psikologi Perkembangan*, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, h.162.

Jadual 6 (e)

Taburan Tahap Kepuasan Jemaah Terhadap Tahap Pelaksanaan Khutbah Jumaat Multimedia

Kelulusan Tertinggi Akademik	Sangat Tidak Memuaskan	Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Sangat Memuaskan	Jumlah
Spm	(1) 1.6%	(1) 1.6%	(9) 14.3%	(33) 52.4%	(19) 30.2%	(63) 100.0%
Diploma	(0) 0.0%	(3) 7.3%	(3) 7.3%	(25) 61.0%	(10) 24.4%	(41) 100.0%
Ijazah	(1) 1.8%	(2) 3.5%	(11) 19.3%	(38) 66.7%	(5) 8.8%	(57) 100.0%
Sarjana	(0) 0.0%	(1) 5.9%	(3) 17.6%	(10) 58.8%	(3) 17.6%	(17) 100.0%
Phd	(0) 0.0%	(1) 50.0%	(0) 0.0%	(1) 50.0%	(0) 0.0%	(2) 100.0%
Jumlah	(2) 0.9%	(8) 3.8%	(29) 13.7%	(121) 57.3%	(51) 24.2%	(211) 100.0%

Faktor kelulusan akademik juga merupakan faktor utama dalam menilai tahap kepuasan serta pemikiran para jemaah terhadap penerimaan penggunaan khutbah Jumaat multimedia. Berdasarkan Jadual 6 (e), menunjukkan bahawa tahap kepuasan tertinggi responden terhadap penggunaan khutbah Jumaat multimedia dicatatkan pada peringkat kelulusan SPM iaitu sebanyak 63 orang. Manakala tahap kepuasan responden di peringkat kelulusan ijazah adalah seramai 57 orang dan diikuti pula pada peringkat sarjana dan PhD mencatatkan bilangan minoriti hanya seramai 19 orang sahaja. Ini menunjukkan bahawa majoritinya kelulusan tertinggi akademik responden adalah di peringkat SPM. Jelas di sini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai jenis umur dan tahap pemikiran, maklumat dan pandangan yang berbeza terhadap gaya dan mutu persembahan slaid khutbah Jumaat multimedia di kalangan jemaah.

Hasil daripada temubual dan penelitian pengkaji dapat disimpulkan bahawa, penggunaan khutbah Jumaat multimedia ini mampu menarik minat dan merangsang para jemaah untuk mendapat kefahaman yang jelas terhadap apa yang disampaikan oleh khatib. Selain itu, terdapat satu artikel yang dipetik dari akhbar Berita Harian ‘*online*’ yang bertajuk “Khutbah Multimedia Dapat Mengelak Kebosanan”²³⁰, menyatakan bahawa para jemaah masjid kini kelihatan begitu tertarik dengan pendekatan baru ini. Ia menampakkan impak berbeza walaupun sebelum ini secara tradisi penyampaian khutbah hanya cukup menerangkan secara lisan dan gaya penyampaian khatib adalah mendatar, tidak menarik, lesu dan bosan.²³¹ Pendapat di atas sejajar dan turut disokong juga oleh Bekas Pengarah Pelajaran Negeri Terengganu, Datuk Muhamed Che Hamid berkata, sistem khutbah multimedia itu terbukti berjaya mengelak sesetengah jemaah daripada leka dan tertidur.²³²

“Pendekatan ini dapat mengajak jemaah untuk lebih menghayati apa yang disampaikan oleh khatib dan ini sebenarnya mengelak mereka daripada berasa bosan atau tertidur.”

Oleh itu, masyarakat kini perlu didedahkan dengan minda teknologi agar persembahan multimedia ini dapat memberi kesan yang baik kepada para jemaah dalam mengikutinya dengan penuh rasa yakin dan bersemangat ketika sesi penyampaian khutbah berlangsung.

²³⁰ Nurhayati Abdullah, Khutbah Multimedia Dapat Mengelak Kebosanan, Berita Harian, 9 Februari 2006.

²³¹ Nurhayati Abdullah, Khutbah Multimedia Dapat Mengelak Kebosanan, Berita Harian, 9 Februari 2006.

²³² http://groups.yahoo.com/group/teratak_ilmu/message/1189, 8 Oktober 2011.

Jadual 6 (f)**Taburan Tahap Kepuasan Jemaah Terhadap Kedudukan Layar Putih**

Umur	Sangat Tidak Memuaskan	Tidak Memuaskan	Kurang Memuaskan	Memuaskan	Sangat Memuaskan	Jumlah
11-22 Tahun	(2) 3.1%	(5) 7.8%	(22) 34.4%	(26) 40.6%	(9) 14.1%	(64) 100.0%
23-60 Tahun	(7) 6.1%	(16) 13.9%	(39) 33.9%	(32) 22.8%	(21) 18.3%	(115) 100.0%
61-82 Tahun	(3) 8.3%	(6) 16.7%	(10) 27.8%	(13) 36.1%	(4) 11.1%	(36) 100.0%
Jumlah	(12) 5.6%	(27) 12.6%	(71) 33.0%	(71) 33.0%	(34) 15.8%	(215) 100.0%

Berdasarkan jadual di atas, ia menunjukkan secara majoritinya responden yang berpuas hati terhadap kedudukan layar putih adalah di kalangan remaja yang mencatatkan peratusan sebanyak 54.5% (35 orang). Diikuti pula oleh golongan dewasa dan tua yang mencatatkan nilai sebanyak 47.2% (17 orang) dan 41.1% (53 orang).

Antara faktor yang menyumbang kepada tahap kepuasan para jemaah adalah disebabkan oleh kedudukan layar putih dan TV Plasma yang disediakan untuk tayangan slaid khutbah bersesuaian pada tempatnya. Selain itu, kedudukan para jemaah di ruang solat juga memainkan peranan penting untuk melihat tayangan khutbah multimedia dengan sebaik mungkin dan jelas. Ini adalah kerana di dewan solat utama Masjid SABA mempunyai dua layar putih yang lebar dan besar terletak berhampiran dengan mimbar khatib.

Satu layar putih bersaiz sederhana terletak di bahagian hadapan ruang solat di tingkat 1 beserta satu TV Plasma yang terletak di bahagian dinding kanan. Manakala pada setiap ruang solat tingkat 2 dan 3 mempunyai 4 TV Plasma yang terletak di bahagian hadapan, belakang, kiri dan kanan masjid. (Lihat lampiran G).

Masjid SABA mempunyai 9 TV Plasma yang berukuran 40 inci dan 3 layar putih untuk tayangan slaid khutbah multimedia yang disokong oleh peralatan komputer riba dan alat pemancar iaitu Paparan Cecair Kristal (*Liquid Crystal Display*) LCD²³³. Walaupun terdapat jemaah yang berpuas hati dengan kedudukan layar putih dan penyediaan TV Plasma di setiap sudut, namun terdapat juga sebilangan jemaah iaitu seramai 110 responden yang tidak berpuas hati dengan kedudukan tersebut. Melalui pengumpulan data melalui soal selidik, didapati antara faktor yang mempengaruhi ketidakpuasan hati responden adalah disebabkan oleh kedudukan skrin di masjid yang tidak strategik serta saiz dan jenis tulisan pada skrin multimedia.

Huraian selanjutnya akan dikupas oleh pengkaji berdasarkan jadual-jadual di bawah. Berdasarkan Jadual 6 (g) dan 6 g (i) di bawah, pemilihan jawapan bagi responden dalam soal selidik adalah terbuka dan boleh menjawab lebih daripada satu jawapan.

²³³LCD ialah sejenis peranti paparan nipis dan leper yang terbentuk daripada mana-mana bilangan piksel warna atau hitam putih yang disusun di hadapan satu sumber atau pemantul cahaya (Lihat http://ms.wikipedia.org/wiki/Paparan_hablur_cecair, 5 Oktober 2011).

Jadual 6 (g)

Taburan Jemaah Terhadap Ketidakpuasan Pada Kedudukan Skrin Yang Tidak Strategik

Umur	Tidak Berpuas Hati (Bil Responden)	Peratus
11-22 Tahun	29	45.3%
23-60 Tahun	62	53.9%
61-82 Tahun	19	62.8%
Jumlah	110	162.0%

Jadual 6 (g) menunjukkan tahap ketidakpuasan hati responden terhadap kedudukan skrin yang tidak strategik di Masjid SABA. Kedudukan skrin merupakan faktor utama para jemaah kurang memberi fokus dan tumpuan terhadap persembahan slaid khutbah multimedia yang ditayangkan. Bilangan responden yang tertinggi adalah di kalangan jemaah dewasa yang mencatatkan bilangan seramai 62 orang iaitu 53.9%, diikuti oleh jemaah remaja sebanyak 29 orang (45.3%) berbanding dengan jemaah dari golongan tua hanya mencatatkan jumlah sebanyak 19 orang (62.8%).

Berbekalkan 9 TV Plasma dan 3 layar putih sahaja di Masjid SABA, tidak mampu untuk menampung para jemaah yang mencecah seramai 2,500 orang setiap minggu. Ini adalah disebabkan oleh kedudukan atau posisi sebahagian daripada jemaah yang terselindung di belakang tiang-tiang masjid, jemaah yang berada di luar ruangan solat iaitu di kawasan kaki lima masjid dan juga jemaah yang berada di saf paling belakang.

Kedudukan yang terselindung ini membuatkan para jemaah tidak berpuas hati dengan kedudukan skrin multimedia di masjid. Oleh itu penambahan layar putih dan TV Plasma di Masjid SABA perlu dipertingkatkan. Hal ini selari dengan apa yang disuarakan oleh beberapa orang responden²³⁴ dengan menyatakan bahawa “skrin-skrin layar putih di masjid perlu ditambah dan diperbesarkan di bahagian bawah kawasan tepi masjid, ruangan tingkat 1 dan tingkat atas...”

Jadual 6 g (i)

Taburan Jemaah Terhadap Ketidakpuasan Pada Tulisan Slaid

Umur	Tidak Berpuas Hati (Bil Responden)	Peratus
11-22 Tahun	15	15%
23-60 Tahun	58	58%
61-82 Tahun	27	27%
Jumlah	100	100 %

Jadual 6 g (i) menunjukkan taburan responden terhadap ketidakpuasan hati pada tulisan slaid yang tidak jelas. Golongan dewasa mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 58% (58 orang), diikuti oleh golongan remaja dan tua yang mencatatkan nilai sebanyak 15% dan 27%. Faktor tulisan slaid yang tidak jelas merupakan faktor yang mendorong kepada sebahagian responden tidak berpuas hati terhadap tayangan khutbah multimedia. Saiz tulisan yang ditetapkan oleh pihak JAWI adalah saiz tulisan yang paling besar dalam

²³⁴ Hj Ismail Harun, En. Mawardy Khusyairi, Mohd Fauzan Hamat, Ahmad Kamal Rais, selaku responden Masjid SABA.

setiap kotak slaid iaitu dalam lingkungan 24 hingga 32 cm²³⁵. Saiz ini bergantung terhadap kesesuaian tulisan yang di masukkan pada setiap slaid.

Seperti yang dijelaskan oleh pengkaji sebelum ini faktor tulisan slaid yang tidak jelas adalah berdasarkan kepada faktor penglihatan yang melibatkan tahap usia dan kedudukan responden di dalam masjid ketika sesi penyampaian khutbah.

Jadual 7
Taburan Umur Terhadap Bentuk Tulisan Slaid

Umur	Rumi	Jawi	Kedua-duanya	Jumlah
11-22 Tahun	(60) 93.8%	(4) 6.3%	(0) 0.0%	(64) 100.0%
23-60 Tahun	(94) 81.75%	(18) 15.7%	(3) 2.6%	(115) 100.0%
61-82 Tahun	(5) (13.9%)	(27) (75.0%)	(4) (11.1%)	(36) (100.0%)
Jumlah Keseluruhan	(159) (74.0%)	(49) (22.8%)	(7) (3.3%)	215 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 7, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua jenis bentuk tulisan yang diminati oleh responden iaitu bentuk tulisan jawi dan tulisan rumi. Sebanyak 94 orang daripada golongan dewasa memilih bentuk tulisan pada slaid adalah tulisan rumi berbanding bilangan tulisan jawi yang dicatatkan hanya 18 orang dan terdapat 3 orang sahaja yang memilih bentuk tulisan kedua-duanya sekali. Manakala bilangan responden kedua tertinggi dalam memilih tulisan rumi adalah di peringkat remaja iaitu sebanyak 60

²³⁵ Ustaz Mohd Hilmee bin Umar, Penolong Pengarah Cawangan Khutbah dan Latihan, Bahagian Pengurusan Kariah JAWI. Temubual pada 27 April 2010.

orang berbanding hanya 4 orang sahaja yang memilih tulisan jawi. Di ikuti pula oleh golongan tua yang kebanyakan mereka lebih gemarkan tulisan jawi yang mencatatkan bilangan sebanyak 27 orang berbanding 5 orang sahaja yang memilih tulisan rumi dan selebihnya daripada mereka memilih bentuk tulisan kedua-duanya sekali.

Ini menunjukkan bahawa, tulisan jawi begitu berpengaruh dan berperanan dalam masyarakat golongan tua yang lebih menggemari dan sesuai dengan jiwa mereka berbanding dengan tulisan rumi pada slaid khutbah multimedia.

Jadual 8

Mendengar Penyampaian khutbah sekaligus melihat persembahan slaid multimedia terhadap penyampaian khutbah Jumaat sebagai medium dakwah yang berkesan

Mendengar penyampaian khutbah sekaligus melihat persembahan slaid multimedia		Penyampaian khutbah Jumaat sebagai medium dakwah yang berkesan		Jumlah
		Keliru	Tidak Keliru	
23 (10.7%)	192 (89.3%)	208 (96.7%)	7 (3.3%)	215 (100.0%)

Berdasarkan Jadual 8, pengkaji menggabungkan di antara mendengar penyampaian khutbah sekaligus pada masa yang sama melihat persembahan slaid multimedia dengan keberkesanan penyampaian khutbah Jumaat sebagai medium dakwah. Ini adalah kerana melalui gabungan kedua-dua item tersebut mempunyai daya kaitan untuk membuktikan bahawa melalui penyampaian khutbah Jumaat multimedia boleh dijadikan sebagai medium dakwah alternatif pada masa kini.

Oleh itu, berpandukan Jadual 8 sebanyak 89.3% (192 orang) menyatakan tidak keliru berbanding dengan 10.7% (23 orang) yang menyatakan keliru dengan penyampaian dan persembahan tersebut. Hal ini adalah berdasarkan daripada apa yang dikatakan oleh (Plude & Hoyer, William & Paul) yang menyatakan bahawa pemerhatian pada sesuatu perkara adalah sangat penting iaitu merujuk kepada keupayaan atau tenaga yang perlu dalam menyokong pemprosesan maklumat yang diterima.²³⁶ Justeru, melalui penerangan ilmu (khutbah) akan lebih berkesan dengan sokongan peralatan multimedia yang memaksimumkan sepenuhnya para jemaah dengan menggunakan pancaindera mata dan telinga terhadap penyampaian khatib.

Berdasarkan huraian daripada jadual di atas pengkaji mendapati bahawa dapatan kajian ini bertepatan dengan pendapat Edgar Dale iaitu seorang penyelidik barat yang memperkenalkan konsep '*Dale Cone of Experience*'²³⁷ yang memaklumkan bahawa seseorang itu akan mengingat:

- a. 20% apa yang didengar
- b. 30% apa yang dilihat
- c. 50% apa yang dilihat dan didengar
- d. 80% apa yang dilihat, didengar dan dibuat.

²³⁶ William J. Hoyer & Paul A. Roodin (2003), *Adult Development and Aging (Memory, Attention and Learning)*, Edisi ke-5, McGraw-Hill, h. 297.

²³⁷ Edgar Dale, Prof (1971), *Technique of Teaching*, United States of America: The Ohio State University, h.219.

Selain itu, teori ini juga disokong oleh Albert Mehrabian²³⁸ dalam kajiannya terhadap pengucapan awam memperlihatkan seorang pengucap (khatib) dapat dilihat melalui tiga suasana iaitu;

- a) 55% melalui hubungan penglihatan,
- b) 38% melalui pendengaran,
- c) 7% melalui bahasa ucapan.

Oleh itu, jelas di sini menunjukkan bahawa melalui teori-teori yang dikemukakan membuktikan bahawa melalui hasil gabungan antara deria penglihatan dan pendengaran akan lebih menarik perhatian dan tidak keliru serta dapat meninggalkan kesan di hati para jemaah untuk memperolehi mesej terhadap penyampaian kandungan khutbah Jumaat.

Walaubagaimanapun, berdasarkan penelitian pengkaji data juga menunjukkan terdapat 10% sahaja dari kalangan jemaah terutamanya dari kalangan warga tua yang agak keliru dengan pengaplikasian multimedia dalam khutbah Jumaat. Pembuktian ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh penyelidik barat mengenai tahap perkembangan dewasa dan tua. Beliau menyatakan bahawa orang tua tidak boleh melakukan dua kerja sekaligus, atau memberi perhatian terhadap sesuatu perkara dalam satu masa yang sama. Melalui teknik atau kaedah ini akan lebih menyukarkan mereka untuk menerima sesuatu berbanding dengan golongan dewasa dan remaja.²³⁹

Seterusnya, hasil kajian juga menunjukkan sebanyak 96.7% (208 orang) bersetuju dengan menyatakan bahawa penyampaian khutbah Jumaat dapat dijadikan sebagai saluran

²³⁸ Dorothy Leeds (1990), *Powerspeak*, London: Judy Piatkus (publishers) Ltd of 5 Windmill Street, h. 104.

²³⁹ Op.cit, h.298.

medium dakwah yang berkesan. Berbanding dengan respon jemaah minoritinya yang tidak bersetuju hanya sebanyak 3.3% (7 orang) sahaja. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya penyampaian khutbah Jumaat multimedia boleh dijadikan sebagai satu platform dakwah yang berkesan pada masa kini. Jika direnung kembali sirah kegemilangan Islam pada suatu masa dahulu, salah satu medium yang digunakan oleh baginda Rasulullah S.A.W dan para sahabat dalam menyebarkan dakwah dan taujihah adalah melalui khutbah Jumaat.

Sebelum itu, pengkaji ingin menimbulkan persoalan. Kenapa khutbah Jumaat boleh dikatakan sebagai salah satu medium dakwah yang begitu penting dalam penyebaran dakwah? Kenapa tidak ceramah-ceramah agama? Forum, Wacana ataupun Diskusi? Tanpa menafikan kepentingan medium-medium dakwah yang lain, terdapat dua elemen dalam khutbah Jumaat yang harus dimanfaatkan sebaiknya.

Antaranya ialah:

- i. Khutbah Jumaat tidak memerlukan promosi iklan besar-besaran untuk menarik kehadiran mad'u (jemaah).
- ii. Sememangnya sudah pasti pada hari Jumaat akan hadir mad'u paling kurang pun seramai 40 orang untuk mendengar penyampaian khutbah Jumaat.

Oleh demikian, jelas menunjukkan bahawa khutbah Jumaat merupakan satu wadah dakwah yang begitu penting dalam memperkasakan pembangunan ummah pada masa kini. Sehubungan itu, peranan khatib sebagai penyampai isi dakwah merupakan tonggak utama dalam memastikan setiap lapisan *mad'u*²⁴⁰ (jemaah) yang hadir bukanlah hanya dari

²⁴⁰ Mad'u bermaksud sasaran Sasaran yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah para jemaah yang dikhususkan kepada Masjid SABA, Bangsar.

kalangan warga tua dan dewasa sahaja, malah remaja serta kanak-kanak. Oleh itu, peranan khatib sebagai penyampai isi dakwah untuk memastikan setiap lapisan mad'u yang hadir menerima dan memahami apa yang hendak disampaikan adalah amat penting.

Justeru, al-Quran telah menetapkan berbagai saranan dan prinsip pada jalan yang ideal dalam berdakwah. Khutbah Jumaat juga merupakan satu item penting yang boleh dijadikan sebagai medium dakwah yang berkesan untuk seluruh umat Islam.

4.4 KESIMPULAN

Khutbah Jumaat merupakan saluran peningkatan ilmu pengetahuan dan berpotensi besar membentuk masyarakat Islam yang cemerlang. Keberkesanan dalam sesuatu penyampaian khutbah bergantung kepada tahap penerimaan jemaah dalam menerima mesej penyampaian serta hasil gabungan dari pihak pengurusan masjid dan melalui persembahan khatib. Selain itu, khutbah yang dilaksanakan secara sempurna boleh membentuk pendapat awam di kalangan masyarakat terhadap sesuatu topik, seterusnya menjadi premis yang menentukan *survival* Islam dan ummah.

Seharusnya kaum lelaki muslim perlu bersyukur kerana diberi peluang untuk mendengar khutbah Jumaat sekali seminggu sebagai salah satu wadah peringatan untuk muhasabah diri. Di samping itu, penyampaian mesej khutbah Jumaat sangat memainkan peranan penting dalam menjana minda dan membentuk ummah yang berkualiti. Oleh itu, penyampaian khatib perlulah mempunyai seni daya tarikan dalam menambat hati para jemaah dengan sokongan alat pengaplikasian multimedia dalam khutbah Jumaat agar penyampaian yang disampaikan lebih segar dan bersemangat untuk para jemaah lebih memahami terhadap input yang disampaikan.

Justeru, Islam sendiri begitu mementingkan pembaharuan atau pemodenan tanpa mengeneipkan tuntutan dan landasan agama yang disyariatkan. Melalui evolusi baru ini, penggunaan saluran multimedia dapat memberi satu nafas baru dan anjakan paradigma kepada para jemaah terhadap penyampaian khutbah agar lebih bervariasi, efektif dan komprehensif.